



Osaka Gas sumbang peralatan penyelidikan kepada Unimas

DARI MUKA 1

Selain penyerahan biasiswa, Osaka Gas melalui OGFICE turut menyerahkan sumbangan berupa peralatan penyelidikan untuk penubuhan makmal tenaga di Fakulti Kejuruteraan. Sumbangan berjumlah RM55,000 itu akan digunakan dalam pembelian peralatan asas dalam penyelidikan tenaga.

Selain dengan matlamat untuk menjalankan penyelidikan secara usahasama, pihak OSAKA GAS juga telah menaja dua orang staf akademik dari Fakulti Kejuruteraan ke pusat-pusat penyelidikan OSAKA GAS di Osaka dan membantu dalam la-watan kedua-dua staf berkenaan melawat universiti-universiti terkenal di sekitar kawasan Kansai pada bulan Februari lepas.

Matlamat utama penajaan tersebut adalah untuk mendapatkan bantuan dan kepakaran pemprosesan gas asli dari OSAKA GAS serta mengenal pasti institusi akademik yang sesuai untuk kerjasama dalam pembentukan program baru iaitu Kejuruteraan Kimia dan Proses dengan memfokuskan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam in-

dustri gas dan minyak bermula tahun 2004.


Berucap pada majlis tersebut, Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) Unimas, Professor Khairuddin Abdul Hamid berkata, program baru itu akan memberi keutamaan kepada kerjasama pihak universiti dengan industri-industri yang berkaitan.

"Kerjasama ini meliputi latihan industri yang melibatkan pelajar-pelajar dalam bidang kejuruteraan kimia di loji-loji serta industri gas dan minyak di samping kerjasama dalam permindahan teknologi juga kepakaran."

"Selain itu pelbagai usaha dan pendekatan dinamik akan dilakukan untuk mewujudkan tenaga kerja yang berkualiti bagi memenuhi keperluan dalam industri gas dan minyak di negeri ini khususnya."

"Inilah yang membezakan program Kejuruteraan Kimia (Gas dan Minyak) yang ditawarkan di Unimas dengan universiti-universiti yang lain di Malaysia."

Beliau berkata, majlis itu juga menandakan genap empat tahun Fakulti Kejuruteraan, Unimas dan OGFICE menjalankan kerjasama dalam bidang penyelidikan dan pemban-



PENGARAH Eksekutif OGFICE, Osaka, Jepun, Encik Akira Kutsumi menyampaikan biasiswa OGFICE kepada pelajar Fakulti Kejuruteraan sambil disaksikan oleh Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) Unimas, Profesor Khairuddin Abdul Hamid.

ngunan industri gas dan minyak.

Sehubungan itu, Professor Khairuddin berkata, beliau yakin dengan bantuan serta kerjasama daripada OGFICE dalam penyelidikan dan pembangunan industri gas dan minyak, Unimas dalam tempoh terdekat mampu melahirkan para graduan

yang berkualiti.

Syarikat OSAKA GAS merupakan syarikat pembekal gas kedua terbesar di Jepun. Ia beroperasi di kawasan landai yang meliputi Osaka, Kobe dan Kyoto.

Syarikat berkenaan membekal gas asli kepada 6.4 juta pengguna pada penghujung bulan Mac

2000 dengan tenaga kerja seramai 9,264 orang. Penjualan gas asli adalah sebanyak 7.407 juta meter padu atau 32 peratus daripada penggunaan keseluruhan negara Jepun.

Syarikat tersebut telah memperkembangkan operasinya dan terkini, menceburi bidang penajaan kuasa dengan ber-

teraskan gas asli sebagai bahan api utama. Syarikat OSAKA GAS aktif dalam pelbagai penyelidikan yang berteraskan gas asli dan pada tahun lepas, syarikat tersebut mempunyai 349 penyelidik dan membelanjakan 14 bilion yen (RM448 juta) untuk aktiviti penyelidikan berasaskan gas asli.

Setakat ini, yayasan tersebut telah menjalankan banyak aktiviti dengan memberi bantuan biasiswa, peralatan makmal, bahan-bahan pengajaran dan penyelidikan di negara-negara ASEAN terutamanya, di Indonesia, rakan niaga terbesar OSAKA GAS. Unimas merupakan rakan kerjasama OGFICE yang ulung di luar Indonesia.

Menyentuh tentang Fakulti Kejuruteraan Unimas, fakulti berkenaan telah ditubuhkan pada bulan Disember 1993 dan kini menawarkan empat program kejuruteraan peringkat pascasiswazah.

Program-program tersebut ialah Program Kejuruteraan Mekanikal dan Sistem Pembuatan, Program Kejuruteraan Elektronik dan Telekomunikasi, Program Kejuruteraan Elektronik dan Komputer serta Program Kejuruteraan Sivil.

Berikutan permintaan pasaran dan keperluan dari industri-industri yang berdekatan, pihak fakulti tersebut akan menawarkan dua lagi program baru.

Dalam masa terdekat, fakulti tersebut akan menawarkan program pascasiswazah pada peringkat sarjana secara kerja kursus dalam beberapa bidang

utama kejuruteraan seperti yang ditawarkan di peringkat Sarjana Muda di institusi tersebut.

Kursus peringkat sarjana secara kursus itu adalah tambahan kepada program yang sedia ada, iaitu kursus peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah menerusi penyelidikan.

Selain itu, Fakulti Kejuruteraan Unimas juga akan menawarkan Program Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia dan Proses yang sinonim dengan kepesatan dalam industri pemrosesan dan kimia terutamanya dalam industri gas asli. Bagaimanapun, pengambilan perniagaan pelajar untuk program baru itu hanya akan diadakan apabila kampus tetap Unimas siap dibina pada tahun 2004.

Unimas juga mengalukan penyertaan industri tempatan dan luar negara untuk bekerjasama dalam pengajaran dan penyelidikan ataupun sumbangan kewangan ke arah kedua-duanya.

Terkini, Fakulti Kejuruteraan Unimas telah banyak mengadakan hubungan dengan industri-industri dalam dan luar negeri, dalam pelbagai bidang seperti pembuatan, minyak dan gas, pembinaan, telekomunikasi dan elektronik.

Arkib
NEW
92.09
35
2002

UTUSAN SARAWAK (22 JULAI 2002)